

06/01/1997

Bengkel isytihar enam deklarasasi

BENGKEL Reformasi Undang-Undang Keluarga Islam Serta Pelaksanaan dan Pentadbirannya, Sabtu lalu mengeluarkan enam deklarasasi berpandukan prinsip keadilan, kesaksamaan dan pembangunan keluarga Islam yang bahagia, harmoni dan sejahtera yang sedia berbakti kepada ummah.

Naib Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Profesor Datin Dr Sharifah Hapsah Datuk Syed Hassan Shahabuddin, berkata deklarasasi itu juga berlandaskan niat membantu usaha murni kerajaan membangunkan sebuah masyarakat madani dan penyayang yang berteraskan keluarga sejahtera.

Enam deklarasasi itu ialah:

* Menyokong pindaan kepada peruntukan undang-undang keluarga Islam yang dicadang dibengkel berkenaan.

* Menggesa kerajaan mengambil langkah segera ke arah memperkemas jentera pentadbiran keluarga Islam dan memastikan undang-undang tersebut dilaksanakan dengan cara yang memberi keadilan kepada semua ahli keluarga iaitu suami, isteri dan anak.

* Menggesa kerajaan mewujudkan satu sistem undang-undang keluarga Islam dan pelaksanaan yang seragam bagi satu negara Islam.

* Menggesa pertubuhan sukarela dan agensi kerajaan seperti baitulmal:

a) mewujudkan perkhidmatan dan bantuan sokongan kepada keluarga yang kurang mampu yang sedang terlibat dalam litigasi.

b) mengambil langkah-langkah bagi menyedarkan wanita mengenai hak mereka serta cara-cara mengatasi masalah mereka.

* Menggesa kerajaan melibatkan perwakilan dan pertubuhan wanita dalam proses rundingan dan membuat keputusan berkaitan penggubalan undang-undang keluarga Islam serta pelaksanaan dan pentadbirannya di semua peringkat.

* Menggesa kerajaan mengambil tindakan ke atas memorandum yang disampaikan.

Dr Sharifah Hapsah, berkata pihaknya juga akan memasukkan beberapa cadangan yang diterima daripada bengkel itu untuk memperkemas lagi draf memorandum berhubung tiga perkara iaitu perceraian, pelaksanaan dan pentadbiran undang-undang keluarga Islam serta poligami yang akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lama lagi.

Sebelum itu, NCWO pernah mengemukakan memorandunya mengenai prosedur poligami Jabatan Agama Islam Selangor sebagai melahirkan kekesalannya mengenai cara prosedur dipinda dan dilaksanakan yang dianggap secara angkuh, akhir tahun lalu.

Menurutnya, semua cadangan dalam draf memorandum yang disediakan oleh Sisters In Islam dan Persatuan Peguam-Peguam Wanita semuanya diterima.

Antara syornya ialah hanya satu undang-undang berkaitan keluarga Islam diwujudkan di negara ini dan semua negeri hendaklah membuat undang-undang yang seragam mengenai poligami.

(END)